

24 DEC 1999

Isa-Kereta

EXCO NS BARU GUNA KERETA PROTON PERDANA

SEREMBAN, 24 Dis (Bernama) -- Anggota-anggota exco yang baru di Negeri Sembilan akan diperuntukkan kereta Proton Perdana dan tidak lagi kereta Mercedes Benz seperti sebelum ini, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, hari ini.

Katanya kerajaan negeri akan mematuhi pekeliling mengenai perkara itu yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan.

Bagi anggota exco lama yang dilantik semula sebagai exco, mereka akan menggunakan kereta Mercedes Benz lama yang mereka gunakan dahulu jika kereta itu masih boleh digunakan, katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini.

"Jika mereka hendak gunakan kereta baru, mereka akan diperuntukkan dengan kereta Proton Perdana," katanya.

Bagi kereta yang digunakan oleh bekas anggota exco, keputusan mengenainya termasuk sama ada kereta itu akan diberikan kepada exco baru masih belum dibuat, katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau akan mengambil tindakan terhadap anggota DUN jika mereka secara berterusan gagal hadir pada persidangan DUN, Mohamed Isa berkata kehadiran anggota DUN di negeri ini tiada masalah kerana tempoh persidangan dewan tidak lama.

Katanya biasanya lima hari diperuntukkan untuk sesi sidang belanjawan manakala sesi lain biasanya dua hari.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa tindakan akan diambil terhadap anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) jika mereka berterusan gagal hadir semasa persidangan Dewan Rakyat.

-- BERNAMA

AZ NAK